

Semakin banyak IPT, sekolah ditutup

Kosmo 24/07/09 M/S 2

KUALA LUMPUR – Sebuah lagi kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM), dua buah sekolah dan tiga institusi pendidikan menerima arahan tutup seminggu bermula semalam dalam gerakan membendung kes penularan tempatan wabak selesema babi.

Kampus UiTM Dungun menjadi cawangan universiti yang keempat ditutup setakat ini ekoran semakin ramai pelajarannya menunjukkan penyakit serupa influenza (ILI) sejak beberapa hari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Dr. A Rahman Mokhtar berkata, tindakan penutupan itu dilakukan serentak-merta selepas 87 pelajar dikesan mempunyai simptom ILI.

Di Melaka pula, empat institusi pendidikan juga dikenakan perintah tutup seminggu mulai semalam.

Arahan itu memabitkan Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka, Durian Daun, Kolej Profesional Mara Melaka, Jalan Hang Tuah, Kolej Yayasan Melaka, Jalan Bukit Sebukor dan Sekolah Kejururawatan Nilam, Bachang.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Norpipah Abdol berkata, kesemua IPT berkenaan ditutup sehingga 29 Julai depan.

“Ya dibuat atas arahan Kementerian Kesihatan bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman dijalankan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka mempunyai sejumlah 1,878 pelatih, Kolej Yayasan Melaka (1,258 pelajar), Kolej Profesional Mara (153 pelajar) manakala Sekolah Kejururawatan Nilam mempunyai 326 pelatih.



SEKUMPULAN pelatih Institut Perguruan Melayu Melaka terpaksa meninggalkan asrama selepas kampus mereka diarah tutup semalam.

Info Institusi pendidikan diarah tutup

- UiTM Kampus Permatang Pauh, Pulau Pinang (22-28 Julai)
- UiTM Kampus Seri Iskandar, Perak (23-30 Julai)
- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) (22-28 Julai)
- UiTM Kampus Rendu, Alor Gajah (16-24 Julai)
- Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungai Besi (22-28 Julai)
- Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka (23-29 Julai)
- Kolej Yayasan Melaka (23-29 Julai)
- Kolej Profesional Mara, Melaka (23-29 Julai)
- Sekolah Kejururawatan Nilam Bachang, Melaka (23-29 Julai)
- Sekolah Kebangsaan Subang Bestari, Shah Alam (21-27 Julai)
- Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Sabah (23-29 Julai)
- Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru (23-29 Julai)

Norpipah berkata, seramai lima pelatih Institut Perguruan Perempuan Melayu Melaka te-

lah disahkan dijangkiti H1N1, Kolej Yayasan Melaka (empat), Kolej Profesional Mara (tiga) dan

satu kes di Sekolah Kejururawatan Nilam.

Di Ipoh, kebimbangan warga kampus UiTM Seri Iskandar mengenai selesema babi akhirnya menjadi kenyataan apabila ujian sampel darah 10 pelajar mereka semalam disahkan positif H1N1.

Sampel itu diambil secara rawak daripada 280 pelajar yang telah dikuarantin akibat ILI.

Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Kesihatan Perak, Datuk Dr. Mah Hang Soon menjelaskan, para pesakit setakat ini hanya mengalami selesema serta batuk tanpa simptom sesak nafas.

Selain kampus itu, UiTM cawangan Permatang Pauh telah diarah tutup seminggu mulai kelmarin ekoran wabak yang sama.